

Wisma Putra minta penjelasan Duta Eropah

Nota bantahan komen isu DEB akan dihantar: Syed Hamid

Mahfar Ali
Rom, Itali



WISMA Putra akan memanggil Duta dan Ketua Delegasi Suruhanjaya Eropah ke Malaysia, Thierry Rommel bagi mendapatkan penjelasan dan menyuarakan bantahan berhubung kenyataannya yang mahu kerajaan menghapuskan Dasar Ekonomi Baru (DEB). Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata Duta Malaysia di Brussels juga akan menemui pemimpin Kesatuan Eropah (EU) untuk menyampaikan kekesalan Malaysia terhadap kenyataan Rommel yang dianggap tidak bertanggungjawab serta tidak berasaskan fakta.

"Selepas itu kita mungkin menghantar satu nota bantahan berhubung komen dibuat Rommel. Kita kecewa kerana seorang diplomat membuat kenyataan seperti itu.

"Ini menunjukkan beliau tidak faham peranan seorang diplomat yang seharusnya membina hubungan membina dan bukannya campur tangan dalam dasar dalaman sesebuah negara," katanya, di sini, semalam.

Beliau mengulas laporan agensi berita asing mengenai kenyataan

Rommel meminta Kerajaan Malaysia mengkaji semula hak keistimewaan orang Melayu dan Bumiputera lain yang terkandung dalam DEB.

Kenyataan itu dibuat dalam ucapannya pada satu majlis diadakan bersama ahli perniagaan tempatan dan luar negara di Kuala Lumpur, Khamis lalu.

Mengikut laporan itu, duta berkenaan dikatakan mengkritik secara terbuka DEB yang sudah dilaksanakan sejak 37 tahun lalu kerana memberi keistimewaan pendidikan, pekerjaan, perniagaan dan beberapa bidang lain kepada orang Melayu dan Bumiputera lain.

Malah, mengikut laporan agensi asing itu, Rommel mendakwa tiada ruang diberi kepada syarikat asing dalam sebahagian besar kegiatan ekonomi domestik di Malaysia.

Kelmarin, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak turut menyuarakan kekesalannya dengan kenyataan Rommel dan memintanya tidak mencampuri urusan atau dasar Kerajaan Malaysia.

Syed Hamid tiba di sini semalam bagi menyertai delegasi lawatan rasmi Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi ke sini, percaya kenyataan Rommel itu bersifat peribadi kerana hubungan Malaysia dan EU selama ini sangat akrab.

"Tindakan membuat kenyataan menyentuh isu sensitif tidak membantu menambah baik hubungan Malaysia dan EU. Apa lagi kenyataan tidak berasaskan fakta.

"Dia kata tidak mempunyai keyakinan terhadap ekonomi kita sedangkan perdagangan EU dengan Malaysia tinggi. Ekonomi kita juga berkembang dan kemasukan pelaburan asing menggalakkan," katanya.

Sementara itu, *Associated Press* (AP) semalam, melaporkan Rommel menafikan mencetuskan kontroversi dengan Malaysia berikutan kritikan mengenai dasar dan tindakan didakwa menguntungkan orang Melayu.

Beliau yang enggan mengulas kenyataan Najib berhubung kontrover-

si itu, berharap bertemu pegawai Kementerian Luar Malaysia berhubung isu yang berkepentingan dua hala.

"Tiada kontroversi. Jika saya dijemput untuk berdialog (oleh Kementerian Luar), saya gembira untuk pergi," katanya kepada AP.

Sementara itu, Syed Hamid berkata, lawatan tiga hari Perdana Menteri ke sini, sangat penting kerana ini lawatan rasmi pertama Perdana Menteri Malaysia ke negara itu selepas 25 tahun.

Abdullah yang tiba di sini lewat petang semalam selepas melakukan lawatan rasmi ke Russia dan Bosnia Herzegovina, mempunyai atur cara padat termasuk mengadakan perbincangan dengan rakan sejawatannya Romano Prodi serta menyampaikan ucap-tama pada forum perniagaan yang disertai lebih 200 ahli perniagaan kedua-dua negara.

Syed Hamid berkata, lawatan itu bertujuan mengembang dan mempelbagaikan lagi kerjasama kedua-dua negara dalam bidang perdagangan dan pelaburan.

Ketika ini, perdagangan kedua-dua negara bernilai lebih AS\$2 bilion (RM6.8 bilion) dengan import Malaysia sebahagian besarnya membitkan komponen teknologi pertahanan, manakala eksport sarung tangan.

FAKTA NOMBOR

Kerjasama Malaysia, Itali

RM6.8b

Nilai perdagangan

RM460,000

Sumbangan Malaysia untuk pusat Islam terbesar di Eropah